

Ruj Kami : FASB/MATRADE(9)/FD 22309/MPC MATRADE/SEP2024
Tarikh : 12hb September 2024

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)**

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

U/P: **EN. MOHD YAZID ABDUL MAJID**
Pengarah
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Tuan,

KERJA-KERJA UBAH SUAI DAN BAIK PULIH PENEMPATAN BAHARU MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC), LEVEL 1 AND 21 DI BAHAGIAN MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR
- Cadangan Perlantikan Kerani Tapak/Pemeriksa Tapak (Clerk of Work/Inspector of Work)

Merujuk perkara di atas dan beberapa perbincangan di antara kami dan Puan Siti Zurianah Othman sebelum ini, kami dengan ini secara rasmi mengemukakan cadangan agar seorang Pegawai Tapak (Kerani Tapak/Pemeriksa Tapak) dapat dilantik bagi mengawal selia projek ini secara sepenuh masa sepanjang tempoh pembinaan.

2. Perlantikan ini kami rasakan amat perlu memandangkan tempoh pembinaan yang amat singkat dan kritikal, dengan kerja dilaksanakan secara *fast track*, serta untuk menjaga kepentingan pihak Klien. Dengan adanya Pegawai Tapak tersebut, beliau bakal menjadi tempat rujukan awal kepada Kontraktor bagi memastikan kerja pembinaan terlaksana dengan betul dan tepat, dan *insya-Allah* dapat mengelakkan berlakunya kelewatan masa.

3. Berikut adalah penjelasan akan keperluan Pegawai Tapak sepenuh masa bagi mewakili pihak Perunding dan Klien:

- i. Untuk penyeliaan dan pemantauan kerja pembinaan mengikut kontrak, lukisan pembinaan dan prosedur, serta pernyataan kaedah (*method statement*).
- ii. Untuk memeriksa dan memantau secara terus setiap peringkat pembinaan termasuk kerja-kerja Arkitek, Rekabentuk Dalaman serta Mekanikal dan Elektrikal (termasuk kerja ICT dan yang berkaitan).
- iii. Untuk melaporkan secara berkala kemajuan kerja serta pematuan Kontraktor kepada Jadual Pelaksanaan Projek.
- iv. Untuk mengesahkan Laporan Kemajuan Kerja (harian, mingguan dan bulanan) yang dikemukakan oleh Kontraktor.
- v. Untuk menghadiri Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal serta Mesyuarat Koordinasi. Juga membantu koordinasi di antara semua pihak yang terbabit di dalam pembinaan.
- vi. Untuk memastikan pematuan pihak Kontraktor terhadap keperluan PBT serta protokol pihak Pemilik Bangunan (MATRADE).
- vii. Untuk memastikan semua kerja dilaksanakan dengan mutu/kualiti yang baik di setiap peringkat, serta memenuhi piawai yang ditetapkan oleh Perunding dan Klien.

FOCUS ARCHITECTS AND URBAN PLANNERS SDN. BHD.

Suite 1005, 10th Floor, Block B2, Leisure Commerce Square, No.9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

tel: +603 7620 7920

fax: +603 7620 7922

email: admin@focusarchitects.com.my

website: www.focusarchitects.com.my

Ar. TP: Dr. HJ Mohd Nazam Md Kasim (Managing Director)

Ar. HJ Ahmad Nazam Razi (Director)

Hjh Zailan Abdul Wahid (Director)

Dip. Arch & Adv. Dip. Arch (UITM), Master of Urban Planning (Urban Design) (Mahligan)
LAMAM 23, ID/M 48, APAM, AA/MY38, LPBMA0280, MM/P 400/98, ARA, MID F21

BA, Arch Studies & Grad Dip. Arch (Huddersfield)
LAMAM 88, APAM

Dip. English Studies (IPBA)

- viii. Untuk membantu menyelaras kerja-kerja yang tertunggak serta mengenalpasti masalah yang dihadapi di tapak di peringkat awalan, dan mencadangkan penyelesaian mitigasi, bagi mengelakkan kelewatan atau berlaku kerja berulang.
 - ix. Untuk memastikan setiap bahan binaan dan kawasan yang digunakan oleh Kontraktor pada setiap peringkat mematuhi spesifikasi kontrak.
 - x. Untuk membantu di dalam penilaian tapak bagi mengesahkan kerja kontraktor berpadanan dengan tuntutan kemajuan yang dikemukakan.
 - xi. Untuk menyaksikan dan membuat verifikasi dokumen bagi semua ujian bahan atau sistem yang dilaksanakan di tapak.
 - xii. Untuk menyenggara semua borang, dokumen, komunikasi dan rekod yang berkaitan dengan diari kerja harian.
4. Untuk makluman pihak tuan, perantikan Pegawai Tapak adalah dibenarkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia di bawah Kos Perkhidmatan Perunding. Salinan mukasurat bagi perkara ini dilampirkan.
5. Bagi mengawal kos agar tidak terlalu tinggi dan membebaskan, kami bercadang untuk mencari dan melantik Pegawai Tapak dengan gaji sekitar RM4,350.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu, Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja). Dengan itu, anggaran jumlah kos keseluruhan untuk perantikan ini bagi tempoh 4 bulan adalah RM39,140.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sembilan Ribu, Satu Ratus Empat Puluh Sahaja). Pengiraan kos tersebut adalah dilampirkan (Lampiran A).
6. Demi kemaslahatan projek ini, dan memastikan kepentingan MPC terjaga, kami bermohon agar pihak tuan dapat mempertimbangkan perkara ini sebaiknya dan seterusnya dapat memberi kelulusan dengan kadar segera, untuk kami membuat perantikan di dalam waktu terdekat.

Di atas kerjasama dan jasa baik pihak tuan, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Yang benar,
FOCUS Architects and Urban Planners Sdn Bhd



Ar. ZULKIFLIE AMIR SAMAD
Pengarah

S.k.

Pn. Siti Zurianah Othman 
Pengurus Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan
Malaysia Productivity Corporation (MPC)

En. Mohd. Khairul Nazir Nawi
Pengurus Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan
Malaysia Productivity Corporation (MPC)



LAMPIRAN A

ANGGARAN KOS BAGI PENYELIAAN TAPAK

No.	Gaji Maksima (RM) -a-	Faktor Pengganda -b-	Elaun Tapak (RM) -c-	Tempoh Lantikan -d-	Jumlah (RM) $\{[(a) \times (b)] + (c)\} \times (d)$
1.	4,350.00	2.1	650.00	4 bulan	31,400.00





KERAJAAN MALAYSIA

Kos Perkhidmatan Perunding

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

BUTIRAN		ASAS DAN KADAR BAYARAN																								
		<table><tr><th rowspan="2"></th><th colspan="2">Ikhtisas</th><th colspan="2">Separa Ikhtisas</th></tr><tr><th>S.M'sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th><th>S.M'sia (RM)</th><th>Sbh/Swk (RM)</th></tr><tr><td>Hotel</td><td>250</td><td>270</td><td>190</td><td>210</td></tr><tr><td>Lojing</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr><tr><td>Elaun Makan</td><td>60</td><td>80</td><td>40</td><td>60</td></tr></table> 2. Kadar sewa hotel di atas adalah merupakan kadar maksimum yang dibenarkan. Bayaran kepada perunding hendaklah mengikut kadar sebenar yang dikenakan oleh pihak hotel, tertakluk kepada had maksimum yang dltetapkan. Sebagai tambahan kepada kadar berkenaan, perunding juga layak menuntut apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan sewaan hotel tersebut. 3. Bagi perunding yang menjalankan tugas di luar pejabat bagi tempoh yang melebihi 8 jam tetapi tidak mencapai tempoh 24 jam, mereka boleh dibayar elaun harian dengan kadar separuh daripada kelayakan elaun makan mereka. 4. Agensi hendaklah menasihati perunding agar mendapatkan kadar promosi/<i>Internet rate</i> bagi penginapan hotel.		Ikhtisas		Separa Ikhtisas		S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	Hotel	250	270	190	210	Lojing	60	80	40	60	Elaun Makan	60	80	40	60
	Ikhtisas			Separa Ikhtisas																						
	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)																						
Hotel	250	270	190	210																						
Lojing	60	80	40	60																						
Elaun Makan	60	80	40	60																						
B2	Kakitangan Tapak	<u>ELAUN TAPAK</u> 1. Perunding tidak dibenarkan menuntut lain-lain kos imbuhan ballk kecuali elaun tapak untuk kakitangan yang dltempatan di tapak bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan atau penyeliaan projek. Kadar elaun tapak adalah dltetapan seperti berikut: <table><tr><th>Kakitangan</th><th>Sem. Malaysia (RM)</th><th>Sabah /Sarawak (RM)</th></tr><tr><td>Ikhtisas</td><td>800 sebulan</td><td>950 sebulan</td></tr><tr><td>Separa Ikhtisas/ Sokongan</td><td>650 sebulan</td><td>800 sebulan</td></tr></table>	Kakitangan	Sem. Malaysia (RM)	Sabah /Sarawak (RM)	Ikhtisas	800 sebulan	950 sebulan	Separa Ikhtisas/ Sokongan	650 sebulan	800 sebulan															
Kakitangan	Sem. Malaysia (RM)	Sabah /Sarawak (RM)																								
Ikhtisas	800 sebulan	950 sebulan																								
Separa Ikhtisas/ Sokongan	650 sebulan	800 sebulan																								

LAMPIRAN 3

**SKALA GAJI MAKSIMUM KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS/
CLERK OF WORK¹ – COW (KAKITANGAN SEMENTARA)**

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI 1 (TANPA DIPLOMA) (Sebelum 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 1 (TANPA DIPLOMA) ² (Mulai 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 2 (DENGAN DIPLOMA) (Sebelum 1 Januari 2015)	KADAR GAJI 2 (DENGAN DIPLOMA) ³ (Mulai 1 Januari 2015)
Kurang setahun	1,800	2,250	2,100	2,625
1	1,890	2,363	2,190	2,738
2	1,980	2,475	2,280	2,850
3	2,070	2,588	2,370	2,963
4	2,160	2,700	2,460	3,075
5	2,250	2,813	2,550	3,188
6	2,340	2,925	2,640	3,300
7	2,430	3,038	2,730	3,413
8	2,520	3,150	2,820	3,525
9	2,610	3,263	2,910	3,638
10	2,700	3,375	3,000	3,750
11	2,830	3,538	3,300	4,125
12	2,930	3,663	3,400	4,250
13	3,030	3,788	3,500	4,375
14	3,130	3,913	3,600	4,500
15	3,230	4,038	3,700	4,625
16	3,330	4,163	3,800	4,750
17	3,430	4,288	3,900	4,875
18	3,530	4,413	4,000	5,000
19	3,630	4,538	4,100	5,125
20	3,730	4,663	4,200	5,250
21	3,880	4,850	4,600	5,750
22	4,000	5,000	4,720	5,900
23	4,120	5,150	4,840	6,050
24	4,240	5,300	4,960	6,200
25	4,360	5,450	5,080	6,350
26	4,480	5,600	5,200	7,080
27	4,600	5,750	5,320	7,280
28	4,720	5,900	5,440	7,470
29	4,840	6,050	5,560	7,670
30 dan keatas	4,960.00	6,200	5,680.00	7,860

¹ Jadual di atas adalah untuk Clerk of Work (COW) dan bukannya untuk kerani pentadbiran. Kerani Pentadbiran adalah tidak dibenarkan dituntut oleh perunding dan perlu ditanggung sendiri oleh perunding kerana sebahagiannya telah dimasukkan di dalam komponen Faktor Pengganda.

² Tanpa Diploma adalah bermaksud kakitangan yang memiliki kelayakan sama ada Sijil Politeknik atau setara/STPM/SPM

³ Dengan Diploma adalah bermaksud kakitangan yang memiliki kelayakan Diploma yang diliktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

LAMPIRAN 5

**FAKTOR PENGGANDA (FP) MAKSIMUM PERUNDING BAGI PENETAPAN YURAN
SECARA KAEDAH INPUT MASA**

	KATEGORI KAKITANGAN/PERUNDING	FAKTOR PENGGANDA	PERINCIAN KOMPONEN
A	PERUNDING TEMPATAN		
1	Kakitangan Ikhtisas Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara)	2.7	Jadual 1 di Lampiran 6
2	Kakitangan Separa Ikhtisas/Sokongan Teknikal Firma Yang Dilantik (kakitangan tetap/sementara)	2.1	Jadual 2 di Lampiran 6
3	Semua Kategori Tenaga Pengajar Universiti Awam/Swasta .	2.2	Lampiran 7
B	PERUNDING ASING¹		
5	Perunding Asing yang <i>dioutsource</i> oleh firma yang dilantik	1.0 (berdasarkan <i>Charge Rate</i>)	Lampiran 8
C	PERUNDING INDIVIDU		
6	Perunding Individu tempatan yang diantik terus oleh Agensi Kerajaan	1.6	Lampiran 9
7	Perunding Individu Asing yang dilantik terus oleh Agensi Kerajaan (bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA)	1.0 (berdasarkan <i>Charge Rate</i>)	Lampiran 8

¹ Perunding asing bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA